

Keldai akaun miliki RM1,310 secara tidak sah didenda RM500

ADVERTISEMENT

2023-04-13T14:38:32+08:00



MIRI: Seorang keldai akaun didenda RM500 atau sebulan penjara oleh Mahkamah Majistret hari ini kerana kesalahan memiliki sejumlah wang yang diperolehi secara tidak sah.

ADVERTISEMENT

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Nazira Adlin Ahmad Khairul Razi setelah Jason Kristofferson C. Bensing, 38, dari Kuala Lumpur mengaku bersalah atas tuduhan yang dibacakan terhadapnya mengikut Seksyen 37 (1) Ordinan Kesalahan-Kesalahan Kecil 1958 (Sarawak).

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara sehingga tiga bulan dan denda maksimum RM500, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati telah memiliki wang berjumlah RM1,310 di dalam akaunnya yang diperolehi secara tidak sah.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 10.44 pagi, 5 April 2022 di sebuah lot di Min Sing Garden, Jalan Miri-Bintulu di sini.

ADVERTISEMENT

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.